

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 87

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan maut yang masih berada pada tahap yang membimbangkan terutamanya pada musim perayaan. Adakah sudah tiba masanya pihak Kementerian untuk menambah kamera AES di lebuh raya-lebuh raya utama di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 bermula secara serentak pada 29 Mei dan berakhir pada 12 Jun 2019. Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 ini melibatkan sebanyak 12 Agensi/Jabatan dan Syarikat Swasta. Tema kempen ini adalah “Pandu Cermat, Sampai Selamat” yang merangkumi 4 program utama iaitu program Pendidikan dan Advokasi, Penguatkuasaan, Pencegahan bersekali dengan Pemantauan dan Penilaian.
2. Seperti mana yang semua sedia maklum, Kempen OPS Selamat yang telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu telah mencatatkan jumlah kes kemalangan maut sebanyak 232 kes berbanding 235 kes kemalangan maut pada OPS Selamat tahun 2018. Walaupun, angka kes kemalangan maut menunjukkan pengurangan sebanyak 3 kes, namun angka kematian akibat naas jalan raya semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri mencatatkan peningkatan sebanyak 1 kes iaitu daripada 248 kes pada tahun 2018 kepada 249 kes pada tahun ini.
3. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pematuhan kepada undang-undang dan peraturan lalu lintas yang berkuatkuasa oleh pengguna jalan raya, pihak Kerajaan bercadang untuk menambah pemasangan kamera AwAS di lokasi-lokasi yang akan ditentukan berdasarkan keperluan dan kajian serta mengambilkira data kemalangan yang terkini.
4. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju

NO. SOALAN: 87

AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.